

Tiada tolak

BH 26 FEB 2002

LONDON, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penyalahgunaan wang dan salah pengurusan dipercayai berlaku dalam Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja) dan Penerbangan Malaysia (MAS) sehingga kedua-dua syarikat itu menanggung kerugian besar.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menegaskan, pihak berkuasa masih meneruskan siasatan terhadap dua syarikat itu dan mereka yang didapati bertanggungjawab dalam sebarang penyelewengan akan dihadapkan ke mahkamah.

"Kita tidak boleh bertolak ansur dengan penyalahgunaan atau penyelewengan wang ini, tidak kira kroni atau tidak," katanya menjawab soalan pada sesi dialog dengan pelajar Malaysia di Britain.

Lebih 600 pelajar menghadiri dialog

Tinggal universiti jika minat politik – Muka 2

yang diadakan di Imperial College di sini. Majlis itu diadakan sempena lawatan kerja lima hari Perdana Menteri di sini, yang masuk hari kedua, hari ini.

Mengenai Perwaja, Dr Mahathir berkata, seorang ahli perniagaan yang diminta mengendalikan Perwaja mungkin menyeleweng dan menggelapkan duit syarikat. Siasatan mengenainya menemui jalan buntu.

Tanpa menamakan ahli perniagaan itu, Perdana Menteri menjelaskan, dia dibawa masuk ke dalam syarikat berkenaan selepas kerajaan gagal menguruskannya.

Bellau berkata, siasatan mendapati sebahagian wang yang hilang itu didapati tersimpan dalam akaun bank di Switzerland, tetapi pihak berkuasa negara itu enggan mendedahkan identiti pemegang akaunnya, walaupun mengaku menyimpannya.

Pihak berkuasa Switzerland juga, dikatakan enggan bekerjasama dan memberi sebarang bukti kepada mahkamah.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga gagal mendapat sebarang kerjasama daripada rakan niaga Perwaja di luar negara. Bagaimanapun, Badan Pencegah Rasuah (BPR) masih meneruskan siasatan dan akan mendakwa pihak terbabit di mahkamah jika dapat mengumpul bukti secukupnya.

"Kerajaan bersedia menanggung kerugian yang dihadapi Perwaja memandangkan industri keluli penting untuk

proses perindustrian negara. Pengalaman beberapa negara, termasuk Jepun turut menunjukkan industri berkenaan sememangnya sukar untuk menjana keuntungan.

"Kita mengambil Perwaja dengan pandangan yang amat terbuka. Kita bersedia untuk rugi. Malangnya, kita membuat terlalu banyak kesilapan. Mulanya, kita berpendapat syarikat ini perlu diuruskan kakitangan kerajaan, tetapi mereka tiada pengalaman dan kemahiran untuk mengendalikannya," katanya.

Kes Perwaja adalah paling lama diasiasat oleh BPR iaitu sejak ia mula difailkan pada 1996, walaupun laporan mengenainya diterima pada 1980. Isu Perwaja itu terbongkar selepas syarikat audit, Coopers and Lybrand mengeluarkan laporan mengenai ketidakupayaan syarikat pengeluaran besi keluli itu membayar hutang.

BPR sebelum ini mengesahkan wang berjumlah RM76.4 juta dibayar oleh Perwaja kepada tiga pihak asing membabitkan dua syarikat Jepun dan sebuah firma perunding.

Firma yang dikatakan mendapat sebahagian besar wang berkenaan kemudian memindahkan wang itu dari Hong Kong ke Jepun sebelum dimasukkan ke akaun bank Switzerland melalui perindahan telegraf (TT).

Perwaja menanggung beban hutang dan kerugian RM10 bilion, membabitkan tanggungan semasa berjumlah RM926 juta, tanggungan jangka panjang RM6.013 bilion, manakala kerugian terkumpul RM2.985 bilion sebelum diswasatakan kepada Maju Holdings Sdn Bhd, yang kini menguasai 51 peratus ekuiti dalam Perwaja Terengganu Sdn Bhd.

Mengenai MAS, Dr Mahathir menegaskan, penyelewengan wang dalam syarikat penerbangan itu berjaya dibongkar oleh pengurusan barunya, termasuk kegiatan tertentu yang dibuat tanpa kelulusan Lembaga Pengarah.

"Mereka membuat laporan polis walaupun pemilik terdahulu syarikat berkenaan dikatakan kroni kerajaan. Ia tidak menghalang kita daripada bertindak," katanya tanpa mendedahkan nama pemilik berkenaan.

Perdana Menteri berkata, perkara itu mendapat perhatian apabila kerajaan membayar sejumlah wang yang besar untuk membeli syarikat itu selain meneliti segala urusannya.

MUKA 2

ansur: PM

Ambil alih syarikat pastikan khidmat tidak terjejas

DARI MUKA 1

Beliau bagaimanapun berkata, MAS mencatat rekod perniagaan yang baik sehingga berlaku krisis ekonomi pada 1997.

Berhubung penstrukturan korporat, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan mengambil alih syarikat utiliti awam bagi memastikan perkhidmatan yang ditawarkan ti-

dak terjejas.

"Tidak seperti pembelian syarikat di negara Barat, langkah kerajaan itu bukan untuk menyelamatkan pemegang saham syarikat terbabit. Kita tidak pernah buat macam itu," katanya sambil menambah, kaedah dilaksanakan Malaysia terbukti berjaya sehingga ia dijadikan contoh beberapa negara lain.

Dr Mahathir menjelas-

kan, kerajaan masih belajar dan tidak malu untuk mengakui sebarang kesilapan yang dilakukan. Bagaimanapun, kerajaan tidak akan melayan sebarang tuduhan liar yang berniat buruk terhadap negara.

Katanya, walaupun kerajaan bertindak tegas terhadap kritikan terhadap Dasar Ekonomi Negara, setiap pandangan yang dikemukakan diambil kira. - NST